

SYARAT DAN PERATURAN MENGIKUT KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN

ANUGERAH PENGKOMERSIALAN

1. Anugerah ini adalah satu pengiktirafan dan sanjungan kepada staf akademik UPNM yang melaksanakan aktiviti pengkomersialan.
2. Borang penilaian untuk anugerah ini menggunakan borang Anugerah Pemindahan Pengetahuan Teknologi dan Pengkomersialan.
3. Calon adalah merupakan:
 - i. Penyelidik utama yang menjalankan aktiviti pemindahan pengetahuan teknologi yang menyokong kerjasama yang saling menguntungkan di antara Universiti dan organisasi.
4. Kriteria penilaian bagi anugerah ini adalah seperti berikut:
 - i. Pengkomersialan
 - a) Penerangan dari aspek teknikal, keaslian (*originality*), dan kepentingan kepada pengguna;
 - b) Segala urusan pengkomersialan perlu melalui proses yang telah di tetapkan oleh Universiti.
 - c) Perlu mendapat perlindungan harta intelek di bawah UPNM dan mempunyai perjanjian pengkomersialan di antara Universiti dan syarikat/*enterprise* berdaftar.
 - d) Telah menjana nilai jualan kasar kumulatif sekurang-kurangnya RM 50,000.00 dalam negara atau luar negara dan sebahagian daripada pendapatan pengkomersialan tersebut telah disalurkan kepada Universiti di dalam bentuk pembahagian keuntungan.
 - e) Produk baru atau produk yang mempunyai nilai tambah berbanding produk yang sedia ada di pasaran.
 - f) Memberi impak kepada kualiti hidup, industri dan ekonomi negara.
 - g) Mampu menjana peluang pekerjaan dan perniagaan baharu.
 - h) Terdapat usaha ke arah kelestarian perniagaan termasuk pengembangan pasaran, penambahbaikan produk dan pelaburan semula dalam Penyelidikan dan Pembangunan (R&D).